



## DASAR KUALITI MPSPK

**“ Kami beriltizam memberi perkhidmatan perbandaran yang cekap, berkualiti dan berkesan bagi memenuhi keperluan pelanggan serta memenuhi keperluan perundangan yang berkaitan dan juga kepada pihak-pihak berkepentingan.**

**Kami juga beriltizam untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap sistem pengurusan kualiti yang diamalkan demi kepuasan pelanggan. “**

Harapan kami ialah untuk menjadikan Sungai Petani sebagai Bandar Berdaya Huni dan sejahtera supaya penduduknya dapat menjalani kehidupan dalam keadaan selesa dan harmoni.

Di dalam memenuhi Polisi Kualiti ini, **MPSPK** mengamalkan Pengurusan Kualiti menyeluruh dengan objektif-objektif berikut :-

- a) Memberikan perkhidmatan yang mesra pelanggan
- b) Mengamalkan budaya kerja berpasukan yang dapat membaiki prestasi untuk memberikan kepuasan kepada pelanggan
- c) Mengamalkan sistem pengurusan kualiti berdasarkan kepada **MS ISO 9001:2015** dalam mempamerkan mutu perkhidmatan yang baik dan cekap
- d) Memberikan pendedahan yang cukup kepada pasukan kerja dari segi kelayakan, pengalaman dan kebolehan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan
- e) Memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan melaksanakan tindakan yang tegas, telus, adil dan saksama

**(SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN, *SDK., AMK., BCK., ASK*)**

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Sungai Petani

Kedah Darul Aman

**Tarikh : 03 OKTOBER 2021**